

**Prestasi Pasaran Ekuiti Malaysia Baik, Kata Stanchart
Bernama
29 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Standard Chartered Bank (StanChart) berkata prestasi pasaran ekuiti Malaysia berkembang dengan baik ketika melangkah ke tempoh separuh kedua tahun ini.

Bagaimanapun, pasaran agak defensif walaupun pasaran lain bergerak kepada persekitaran modal prorisiko, kata Ketua Pelaburan strategiknya Steve Brice.

"Wujud juga ketidaktentuan politik menjelang pilihan raya, namun ia bukan tumpuan utama analisis kami," katanya pada taklimat media mengenai unjuran pelaburan bagi separuh kedua 2012 di sini Jumaat.

Brice berkata pasaran ekuiti global memperlihatkan anjakan kepada persekitaran yang lebih berisiko dengan ekuiti kembali pulih daripada paras terlebih jualan meskipun wujudkan kebimbangan berterusan mengenai situasi di Eropah.

Beliau berkata bon pulangan tinggi korporat telah kembali kepada trendnya yang mengatasi hutang negara G3 (Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676956>